Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

JSE 231 - Mikroekonomi I

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

2. Jawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

3. Soalan 1 dalam Bahagian A bernilai 60 markah; jawapannya hendaklah ditulis dalam ruang-ruang kosong yang disediakan dalam kertas soalan ini.

4. Bahagian B bernilai 40 markah; gunakan buku jawapan yang disediakan untuk menjawab Bahagian B.

5. Ikatkan kertas jawapan bagi Bahagian A bersama-sama buku jawapan Bahagian B.

BAHAGIAN A (60 markah)

Soalan 1

Jawab SEMUA soalan berikut ([A] - [K]).

[A] Katalah pasaran ikan basah di Malaysia boleh diasingkan daripada pasaran daging lembu, pasaran daging kambing dan pasaran daging ayam. Tunjukkan dalam rajah-rajah yang berkenaan kesan perubahan-perubahan berikut.

(i) Oleh kerana perairan Jepun dicemari oleh tumpahan minyak, mereka telah mengimport ikan secara besar-besaran dari Malaysia.

(2 markah)




Rajah 1: Pasaran Ikan di Malaysia

(ii) Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan hasil penyelidikan yang menunjukkan orang yang banyak makan ikan kurang mendapat kanser dan darah tinggi.

(2 markah)




Rajah 2: Pasaran Daging

(iii) LKIM memperkenalkan teknik baru yang dapat meningkatkan tangkapan ikan kepada nelayan-nelayan Malaysia.

(2 markah)




Rajah 3: Pasaran Ikan

[B] Katalah dalam pasaran buruh pembinaan di Malaysia masa kini, kadar upah yang dibayar oleh para majikan adalah terlalu rendah menyebabkan kekurangan buruh untuk bekerja dalam industri pembinaan.

(i) Dalam Rajah 4, lukiskan keadaan pasaran buruh pembinaan di Malaysia seperti yang digambarkan itu.

(2 markah)

(ii) Tunjukkan dalam rajah tersebut bagaimana kehadiran buruh pendatang menyelesaikan masalah ini.

(2 markah)


Rajah 4: Pasaran Buruh Pembinaan

[C] Fungsi utiliti En. Qari dalam penggunaan barang X boleh dianggarkan seperti persamaan berikut:

$$TU = 90X + 3X^2$$

dengan X mewakili kuantiti barang X yang digunakan sehari.

(i) Mengikut fahaman anda tentang teori utiliti, adakah fungsi utiliti ini realistik. Kenapa?

(2 markah)

(ii) Jika fungsi utiliti itu berbentuk

$$TU = 90X - 3X^2$$

adakah En. Qari memaksimumkan utilitinya jika dia menggunakan 16 unit X? Kenapa?

(2 markah)

[D] En. Lam mempunyai fungsi utiliti yang berbentuk:

$$U = 4XY$$

dengan U = jumlah utiliti; X dan Y = kuantiti X dan Y yang digunakan sesuatu masa tertentu.

Jika $P_x$ = \$4 dan $P_y$ = \$8, dan pendapatan En. Lam = \$80

(i) Terbitkan fungsi utiliti sut En. Lam bagi kedua-dua barang X dan Y.

(2 markah)

(ii) Hitungkan kombinasi X dan Y yang akan memaksimumkan utilitinya.

(2 markah)

[E] Katakan fungsi permintaan kereta boleh dinyatakan oleh persamaan berikut:

$$Q_x = 2.5M^{1.5} P_x^{-0.25} C^{-0.5} P_r^{-0.4}$$

dengan $Q_x$ = kuantiti diminta

$P_x$ = harga kereta

$P_r$ = harga perumahan

M = pendapatan pengguna setahun

C = indeks kos kredit

(i) Hitungkan keanjalan permintaan harga kereta.

(2 markah)

(ii) Jika pendapatan dijangka akan naik daripada $18,000 menjadi 18,900 setahun, berapa peratuskah kuantiti kereta yang diminta akan bertambah?

(2 markah)

(iii) Keanjalan permintaan pendapatan barang X.

(2 markah)

(iv) Bagaimanakah hubungan di antara kereta dan perumahan?

(2 markah)

[F] Jadual 1 menunjukkan jadual pengeluaran satu fungsi pengeluaran yang tertentu.

Jadual 1

| Modal | Output | | |
|---|---|---|---|
| 3 | 90 | 150 | 250 |
| 2 | 70 | 110 | 150 |
| 1 | 50 | 70 | 90 |
| | 1 | 2 | 3 |
| | | Buruh | |

(i) Tuliskan fungsi am sistem pengeluaran ini.

(2 markah)

(ii) Nyatakan ciri pulangan mengikut skel sistem pengeluaran ini.

(2 markah)

[G] Sebuah firma boleh mengeluarkan barang "benda alah" menggunakan input L atau K atau kedua-keduanya. Pada masa ini kedudukan pengeluaran firma itu adalah seperti berikut:

$MP_K = 6, \quad P_K = \$2; \quad MP_L = 12, \quad P_L = \$8$

(i) Jelaskan sama ada firma tersebut sedang menggunakan kombinasi input yang meminimumkan kos atau tidak.

(3 markah)

(ii) Lukiskan kedudukan firma itu secara kasar menggunakan rajah isokuan dan garisan belanjawan firma dalam Rajah 5.

(3 markah)




Rajah 5: Kedudukan Firma

[H] Sebuah firma memperkenalkan teknologi baru ke dalam sistem pengeluarannya. Firma tersebut mendapati tambahan unit modalnya yang terakhir menambahkan outputnya sebanyak 17 unit dan unit buruhnya yang terakhir menambahkan outputnya sebanyak 26 unit.

(i) Tuliskan formula bagi kemajuan teknologi yang digunakan oleh firma ini dan jelaskan.

(3 markah)

(ii) Lukiskan rajah isokuan yang menggambarkan kemajuan teknologi ini.

(3 markah)




Rajah 6: Kemajuan Teknologi

[I] Bagi setiap keadaan yang berikut, hitungkan tingkat keluaran yang memaksimumkan keuntungan, dan keuntungan firma.

(i) $TC - 2Q - Q^2 = 0$; $TR = 8Q$

(3 markah)

(ii) $TC = 2 + Q^2$; $TR = 12Q$

(3 markah)

[J] Kenyataan-kenyataan berikut ialah berkenaan dengan pasaran persaingan sempurna. Nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan kenyataan tersebut dengan memberikan sebab.

(i) Adalah tidak munasabah keluk permintaan setiap firma dalam persaingan sempurna mendatar jika keluk permintaan pasarannya mencerun ke bawah.

(2 markah)

(ii) Jika harga lebih tinggi daripada kos purata minimumnya, pengeluar dalam industri persaingan sempurna itu akan mendapat keuntungan jika ia menyamakan harga dengan kos sutnya.

(2 markah)

(iii) Jika sebuah firma persaingan sempurna mengeluarkan output pada titik MR = MC, tetapi mengalami kerugian yang nilainya kurang daripada kos tetapnya, ini bermakna harga kini lebih rendah daripada kos purata (ATC) tetapi lebih tinggi daripada kos berubah puratanya (AVC).

(2 markah)

[K] Sebuah firma monopoli menjual keluarannya di dua pasaran yang berasingan. Keluk permintaan di kedua-dua pasaran dianggarkan sebagai berikut:

$$P_a = 50 - 0.3Q_a$$

$$P_b = 45 - 0.125Q_b$$

Firma tersebut mengeluarkan barangnya dengan fungsi kos seperti berikut:

$$TC = 100 + 20Q$$

(i) Bagaimanakah firma tersebut membahagikan jualannya di kedua-dua pasaran tersebut.

(3 markah)

(ii) Hitungkan keuntungannya dengan mengamalkan diskriminasi harga itu.

(3 markah)

...14/-

BBAHAGIAN B (40 markah)

Jawab DUA soalan sahaja.

Soalan 2

Dalam teori pengguna kita cuba mempelajari bagaimana seseorang pengguna itu bertindak balas kepada perubahan pendapatan dan harga barang dalam usahanya untuk memaksimumkan kepuasannya.

(a) Dengan menggunakan rajah-rajah yang berkaitan, jelaskan perbezaan di antara keluk pendapatan-penggunaan dan keluk harga-penggunaan. apakah yang cuba ditunjukkan oleh kedua-dua keluk berkenaan? Bagaimanakah caranya kedua-dua keluk itu diterbitkan?

(8 markah)

(b) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, jelaskan perbezaan di antara kesan pendapatan dan kesan penggantian dalam penggunaan barang. Dengan meneliti kedua-dua kesan tersebut, bagaimanakah dapat kita membezakan sama ada barang itu barang biasa atau barang bawahan?

(6 markah)

(c) Jelaskan kepentingan konsep keanjalan dalam kajian kita tentang pasaran. Berikan satu contoh kegunaan konsep ini dalam kajian kebajikan pengguna di pasaran.

(6 markah)

Soalan 3

Anda telah dilantik menjadi penasihat Panel Perancangan Ekonomi di sebuah negara dunia ketiga. Dalam negara tersebut anda dapati nisbah modal buruh dalam pengeluaran adalah rendah.

(a) Anda telah diminta untuk mencadangkan jenis teknologi yang boleh meningkatkan penggunaan buruh di negara tersebut. Menggunakan pengetahuan anda tentang teori pengeluaran dan penggunaan buruh dan modal dalam pengeluaran, jelaskan kepada Perdana Menteri anda bagaimana kemajuan teknologi boleh mempengaruhi fungsi pengeluaran di negara anda. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk meyakinkan beliau.

(8 markah)

(b) Setelah yakin dengan penjelasan anda, Perdana Menteri anda telah menugaskan anda untuk menentukan jenis teknologi yang akan diimport. Nasihati Panel Penasihat Ekonomi negara anda tentang jenis-jenis teknologi yang telah dibincagkan oleh Hicks, dan jelaskan yang mana paling sesuai untuk negara anda.

(6 markah)

(c) Salah seorang daripada ahli panel yang anda nasihati telah terkeliru di antara pulangan mengikut skel dan kemajuan teknologi. Jelaskan kepada beliau perbezaan kedua-dua konsep tersebut.

(6 markah)

Soalan 4

Tidak dapat dinafikan bahawa keuntungan merupakan salah satu daripada perkara yang penting kepada para pengeluar.

(a) Dengan bantuan rajah-rajah yang berkenaan huraikan pendekatan terhadap pemaksimuman keuntungan.

(8 markah)

(b) Dengan berpandukan teori pemaksimuman keuntungan, jelaskan perbezaan dan persamaan kaedah pemaksiuman keuntungan bagi firma monopoli dan firma persaingan.

(6 markah)

(c) Jelaskan bagaimana di dalam industri persaingan sempurna, dalam jangka panjang firma-firma boleh berada dalam keseimbangan dengan mendapat untung sifar.

(6 markah)

...17/-

Soalan 5 (20 markah)

Monopoli dikatakan menimbulkan ketidakcekapan ekonomi. Namun begitu kita masih mendapati beberapa industri tertentu dibiarkan beroperasi secara monopoli.

(a) Merujuk kepada kes Syarikat Telekom Malaysia (STM) apakah buruk baiknya (daripada segi teori ekonomi) STM itu dibiarkan beroperasi sebagai sebuah monopoli. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk menghuraikan masalah tersebut.

(8 markah)

(b) Dengan sokongan teori ekonomi dan rajah-rajah yang sesuai, bincangkan bagaimana sebuah monopoli boleh mengalami kerugian. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan sesebuah firma monopoli.

(6 markah)

(c) Dengan menggunakan sokongan rajah-rajah yang sesuai, jelaskan perbezaan di antara indeks monopoli Lerner dan indeks monopoli Bain. Yang manakah di antara keduanya yang lebih sesuai bagi mengukur kuasa monopoli.

(6 markah)

oooOooo